

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination  
Academic Session 2007/2008

April 2008

**RMT 556 – Pengurusan & Organisasi Projek  
(Management and Project Organisation)**

Masa: 3 jam  
(Duration: 3 hours)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that this examination paper consists of **FIVE** printed pages before you begin the examination.*

Pelajar dibenarkan menjawab semua soalan dalam Bahasa Inggeris ATAU Bahasa Malaysia sahaja.

*Students are allowed to answer all questions either in English OR in Bahasa Malaysia only.*

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **DUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

*Answer **FOUR** questions only. Answer **TWO** questions from **SECTION A** and **TWO** questions from **SECTION B**.*

Sila asingkan buku jawapan untuk setiap Bahagian.

*Please separate the answer book for each Section.*

**BAHAGIAN A  
(SECTION A)**

1. Menerusi buku panduan Project Management Body of Knowledge (PMBOK Guide), proses-proses pengurusan projek dikategorikan di bawah sembilan (9) bidang pengetahuan khusus. Dengan memilih **lima (5)** daripada bidang-bidang ini, sila bincangkan aspek-aspek berikut:
- (a) Konsep serta ruang lingkup asas untuk setiap bidang pengetahuan.
  - (b) Proses-proses yang terlibat di dalam bidang pengetahuan yang berkenaan.
  - (c) Aplikasi setiap bidang tersebut di dalam pengurusan projek pembinaan.
  - (d) Fungsi khusus Pengurus Projek di dalam bidang pengetahuan ini.

*The Project Management Body of Knowledge (PMBOK Guide) categorises project management processes into nine (9) specific areas of knowledge. By choosing **five (5)** Knowledge Areas, discussing the following aspects thoroughly:*

- (a) *The basic concept and extent/reach of each selected Knowledge Area.*
- (b) *The related processes involved within each area of knowledge.*
- (c) *The application of each Knowledge Area specifically in construction project management.*
- (d) *The explicit role of the Project Manager in these Knowledge Areas.*

(25 markah/marks)

2. (a) Pengurusan projek dapat dilihat sebagai satu jalinan di antara beberapa proses tertentu, khususnya proses-proses permulaan, perancangan, pelaksanaan, kawalan serta penutupan. Jelaskan hubungan kait proses-proses tersebut antara satu sama lain serta juga tahap aktiviti dan penglibatan yang terlibat di dalam proses-proses ini menerusi perspektif pengurusan projek pembinaan.

*Project management can be viewed as a series of interlinked specific processes, namely processes pertaining to initiation, planning, executing, controlling and closing. Explain how these processes are related to one another as well as the level of activity and involvement entailed in each process, as seen from the construction project management perspective.*

(10 markah/marks)

- (b) Lanjutan daripada Teori X dan Teori Y dari segi motivasi pekerja, Teori Z telah diperkenalkan dalam usaha mengemaskinikan konsep asal teori tersebut. Jelaskan evolusi Teori Z ini serta kesesuaian penggunaan ciri-ciri teori ini di dalam organisasi projek.

*As an extension to the original Theory X and Theory Y outlook on employee motivation, Theory Z was introduced as a means to maintain relevancy of the original concept of the theory in current times. Describe the evolution of Theory Z and explain the aptness of its characteristics in a project based organization.*

(5 markah/marks)

- (c) Salah satu risiko kritikal yang memberi kesan negatif terhadap kestabilan organisasi projek adalah kecenderungan projek pembinaan untuk siap selepas tamat tempoh kontrak. Dengan menggunakan mekanisma hubungan di dalam organisasi projek, jelaskan bagaimana risiko ini dapat ditangani atau diatasi.

*One of the more critical risks which negatively affects the stability of the project organization is the tendency of construction project to experience time over-runs. Using the mechanisms of relationships within a project organization, explain how this form of risk can be mitigated or solved.*

(10 markah/marks)

3. Di dalam dunia yang bergerak pantas dan tidak menentu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa perubahan organisasi adalah antara isu paling penting yang dihadapi oleh organisasi. Kenyataan ini diperkuatkan oleh satu kajian yang mendakwa lebih 60 peratus projek perubahan telahpun gagal. Bincangkan bagaimana sistem pengurusan kualiti boleh membantu menyahkan ancaman-ancaman yang boleh menggagalkan perubahan organisasi.

*In a fast-moving and unpredictable world, there can be little doubt that organizational change is one of the most important issues facing organizations. This is especially so, when it was claimed by a previous research that over 60 per cent of all change projects are considered to fail. Discuss how quality management system can help to nullify the threats that can lead to failed organizational change.*

(25 markah/marks)

**Bahagian B**  
**(Section B)**

4. 'Mengikut Briscoe et al (2002), di dalam sektor pembinaan, rangkaian pembekalan pembinaan seringkali boleh menjadi tersangat kompleks, terutamanya bagi projek bersaiz besar, di mana bilangan organisasi pembekal dapat mencecah kepada ratusan'.

Bincangkan bagaimana konsep rangkaian pengurusan bekalan relevan di dalam pengurusan pembinaan.

*'According to Briscoe et al (2002), in the construction sector, a typical construction supply network often can be extremely complex, particularly for a larger project, where the number of separate supplying organizations will run into hundreds'*

*Discuss how supply chain management concept is relevant in construction management.*

(25 markah/marks)

5. Beberapa penulis seperti Bayles (1981), Martin & Schinzinger (1989) dan Boatright (2000) memberikan komen bahawa di antara sifat baik yang sepatutnya ada pada professional adalah kompeten, setia, kebolehpercayaan, jujur, tekun dan keihlasan.

Bincangkan pernyataan di atas merujuk kepada situasi sebenar di dalam industri pembinaan.

*Few writers such as Bayles, (1981), Martin & Schinzinger (1989) and Boatright (2000) commented that among the virtues that professionals should have are competence, loyalty, discretion, honesty, diligence, and candor.*

*Discuss the above statement relating to actual situation in the construction industry.*

(25 markah/marks)

6. Konsep pembangunan lestari mestilah di serapkan ke dalam pembinaan untuk mempengaruhi sikap di mana projek sepatutnya dilaksanakan untuk mendapatkan keseimbangan di antara memelihara persekitaran dan mengekalkan kemakmuran pembangunan (Ofori, 1992).

Bincangkan.

*The concept of sustainability must be absorbed into construction to influence the manner in which a project shall be conducted to strike a balance between conserving the environment and maintaining prosperity in development (Ofori, 1992).*

*Discuss.*

(25 markah/marks)